

## **TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

### **Perkara : INFO SEMASA PMM**

**TAJUK ARTIKEL : POLITEKNIK MERLIMAU RAIH DUA ANUGERAH PERAK PADA KONVOKESYEN KIK HORIZON BAHARU**

**SUMBER : BERNAMA - 17 JULAI 2026**

### **Politeknik Merlimau Raih Dua Anugerah Perak Pada Konvensyen KIK Horizon Baharu**

🕒 17/07/2026 09:33 PM



JASIN, 17 Julai (Bernama) -- Politeknik Merlimau (PMM) terus mengukuhkan budaya inovasi apabila meraih dua Anugerah Perak pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu Kebangsaan Peringkat Politeknik Malaysia 2026.

Pengarah PMM Norizam Sekak berkata kejayaan itu membuktikan komitmen warga institusi berkenaan dalam membudayakan penyelidikan, inovasi dan kreativiti selaras dengan aspirasi memperkasakan kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Pada konvensyen yang berlangsung di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dari 13 hingga 15 Julai lepas, PMM diwakili dua kumpulan inovasi yang masing-masing meraih Anugerah Perak.

"Kumpulan Smart Tutor daripada Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) memenangi anugerah menerusi projek *CalcCraft Innovator: Adventure with Kashah*, manakala kumpulan Sajideen Innovators daripada Jabatan Pengajian Am (JPA) menerusi projek *Solat Smart Board (SSB)*," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kejayaan itu menjadi pemangkin untuk PMM terus menghasilkan lebih banyak inovasi berimpak tinggi yang bukan sahaja memberi manfaat kepada institusi, malah kepada komuniti dan negara.

Sementara itu, Norizam berkata PMM turut memperluas manfaat hasil penyelidikan kepada masyarakat menerusi *Program Innovation to Community (IN<sup>2</sup>C)* di Masjid Asy Syujaah, Merlimau Utara sebagai inisiatif memindahkan teknologi dan inovasi kepada komuniti setempat.



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

---

TAJUK ARTIKEL : POLITEKNIK MERLIMAU RAIH DUA ANUGERAH PERAK PADA KONVOKESYEN KIK HORIZON BAHARU

SUMBER : BERNAMA - 17 JULAI 2026

Beliau berkata antara pengisian utama program ialah demonstrasi penggunaan *Duolift Trolley with Hookchain*, iaitu inovasi yang dibangunkan bagi memudahkan kerja mengangkat dan mengalihkan beban berat dengan lebih selamat serta efisien, khususnya bagi kegunaan pengurusan masjid.

"Program ini mencerminkan komitmen PMM dalam memperkasakan pemindahan ilmu, teknologi dan inovasi kepada masyarakat, di samping memperkuat jaringan kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan komuniti.

"Kami berharap inovasi yang diperkenalkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak masjid serta menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi yang memberi impak positif kepada masyarakat," katanya.

-- BERNAMA